



14 November 2013
14 November 2013
P.U. (A) 337

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN
*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN PERLINDUNGAN DATA
PERIBADI (PENDAFTARAN PENGGUNA DATA) 2013

*PERSONAL DATA PROTECTION
(REGISTRATION OF DATA USER) REGULATIONS 2013*



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010
PERATURAN-PERATURAN PERLINDUNGAN DATA PERIBADI
(PENDAFTARAN PENGGUNA DATA) 2013

SUSUNAN PERATURAN-PERATURAN

Peraturan

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran
3. Permohonan bagi pendaftaran
4. Kesahan perakuan pendaftaran
5. Pembaharuan perakuan pendaftaran
6. Perubahan butiran dalam perakuan pendaftaran
7. Penggantian perakuan pendaftaran
8. Mempamerkan perakuan pendaftaran dan maklumat lain
9. Salinan terperaku perakuan pendaftaran

JADUAL

AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010

PERATURAN-PERATURAN PERLINDUNGAN DATA PERIBADI
(PENDAFTARAN PENGGUNA DATA) 2013

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 143 Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 [*Akta 709*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Perlindungan Data Peribadi (Pendaftaran Pengguna Data) 2013**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 15 November 2013.

Tafsiran

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“dokumen konstituen” berhubung dengan suatu badan yang diperbadankan atau tidak diperbadankan, ertiya statut, piagam, memorandum persatuan, perkara persatuan, kaedah-kaedah, undang-undang kecil, perjanjian perkongsian, atau surat cara lain, yang di bawahnya atau dengannya badan itu diperbadankan atau ditubuhkan, dan struktur pengelolaan dan pentadbirannya dan skop fungsi, urusan, kuasa dan kewajipannya yang dinyatakan, sama ada terkandung dalam satu dokumen atau lebih; dan

“pengguna data” ertiya seseorang pengguna data yang berada dalam golongan pengguna data yang dinyatakan dalam perintah yang dibuat di bawah subseksyen 14(1) Akta.

Permohonan bagi pendaftaran

3. (1) Suatu permohonan bagi pendaftaran oleh seseorang pengguna data di bawah seksyen 15 Akta hendaklah disertai dengan fi pendaftaran yang dinyatakan dalam Jadual dan dokumen yang berikut:

- (a) jika pengguna data ialah suatu syarikat sendirian berhad atau syarikat awam berhad, suatu salinan memorandum persatuan dan perkara persatuan; dan
 - (b) jika pengguna data adalah selain suatu syarikat sendirian berhad atau syarikat awam berhad, suatu salinan dokumen konstituen yang di bawahnya pengguna data itu ditubuhkan.
- (2) Seseorang pengguna data yang berada dalam dua atau lebih golongan pengguna data hendaklah membuat permohonan bagi pendaftaran secara berasingan bagi setiap golongan pengguna data yang dalamnya pengguna data itu berada.
- (3) Setiap permohonan yang disebut dalam subperaturan (2) hendaklah disertai dengan fi pendaftaran yang dinyatakan dalam Jadual.

Kesahan perakuan pendaftaran

4. Perakuan pendaftaran yang dikeluarkan oleh Pesuruhjaya di bawah seksyen 16 Akta sah bagi tempoh tidak kurang daripada dua belas bulan dari tarikh perakuan pendaftaran itu dikeluarkan melainkan notis pembatalan pendaftaran di bawah subseksyen 18(3) Akta ini telah disampaikan kepada pengguna data.

Pembaharuan perakuan pendaftaran

5. (1) Suatu permohonan bagi pembaharuan perakuan pendaftaran hendaklah disertai dengan fi bagi pembaharuan perakuan pendaftaran yang dinyatakan dalam Jadual.

(2) Seseorang pengguna data yang tidak membaharui perakuan pendaftarannya dan terus memproses data peribadi selepas tamat tempoh perakuan pendaftarannya melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ratus lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Perubahan butiran dalam perakuan pendaftaran

6. (1) Seseorang pengguna data hendaklah memberitahu Pesuruhjaya secara bertulis mengenai apa-apa perubahan kepada butiran dalam perakuan pendaftarannya.

(2) Pemberitahuan yang dibuat di bawah subperaturan (1) hendaklah disertai dengan apa-apa dokumen sokongan dalam apa-apa bentuk yang ditentukan oleh Pesuruhjaya.

(3) Pengguna data itu hendaklah, menyerahkan perakuan pendaftarannya kepada Pesuruhjaya bagi pindaan dibuat kepada butiran dalam perakuan pendaftaran itu.

(4) Pesuruhjaya hendaklah meminda butiran dalam perakuan pendaftaran setelah menerima pemberitahuan dan perakuan pendaftaran di bawah subperaturan (1) dan (3).

(5) Seseorang pengguna data yang tidak memberitahu Pesuruhjaya mengenai apa-apa perubahan kepada butiran dalam perakuan pendaftarannya melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ratus lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Penggantian perakuan pendaftaran

7. (1) Seseorang pengguna data boleh memohon secara bertulis kepada Pesuruhjaya bagi suatu penggantian perakuan pendaftaran jika perakuan pendaftaran itu hilang atau rosak.